



جاپتن قردان منتري
JABATAN PERDANA MENTERI
BRUNEI DARUSSALAM

Dengan kerjasama Kementerian Kewangan & Ekonomi dan Jabatan Perkhidmatan Awam

**BORANG PENYERTAAN BAGI
PERTANDINGAN MENCIPTA NAMA DAN LOGO
SISTEM SUMBER MANUSIA PERKHIDMATAN AWAM**

NAMA PENUH			
NO. KAD PENGENALAN		TARIKH LAHIR	
WARNA KAD PENGENALAN			
ALAMAT			
PEKERJAAN			
INSTITUSI PENDIDIKAN (JIKA MASIH BELAJAR)			
NOMBOR PERHUBUNGAN	TELEFON BIMBIT	RUMAH	
E-MEL			
TANDATANGAN PESERTA		TARIKH	

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA			
NAMA PENERIMA			
TANDATANGAN		TARIKH	
NO. RUJUKAN			



جابتن قردان منتري
JABATAN PERDANA MENTERI
BRUNEI DARUSSALAM

Dengan kerjasama Kementerian Kewangan & Ekonomi dan Jabatan Perkhidmatan Awam

**BORANG PENYERTAAN BAGI
PERTANDINGAN MENCIPTA NAMA DAN LOGO
SISTEM SUMBER MANUSIA PERKHIDMATAN AWAM**

Pemenang akan menerima hadiah berupa BND2,000 sahaja

Latar Belakang Projek

Jabatan Perkhidmatan Awam pada masa ini sedang dalam pelaksanaan projek sistem Pengurusan Sumber Manusia yang baharu dan akan menggantikan sistem *Government Employee Management System (GEMS)* yang digunapakai masa ini.

Projek ini adalah gabungan bersama TAFIS 2.0 sebagai *Fiscal Consolidation Program* yang diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri. Projek ini juga akan menggantikan sepenuhnya sistem *Payroll* (pembayaran gaji) dan sistem pengurusan sumber manusia (HR) Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang sedia ada bagi digunapakai oleh semua Kementerian.


Matlamat sistem yang baharu ini adalah untuk menyelaraskan proses pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam secara lebih efektif dan berkesan dan pada masa yang sama bertujuan untuk menyatukan sistem-sistem sumber manusia yang ada dalam perkhidmatan awam.

1. Syarat-syarat Am

- 1.1. Pertandingan ini dibukakan kepada Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam;
- 1.2. Ciptaan nama dan logo hendaklah asli dan belum pernah dipertandingkan;
- 1.3. Ciptaan hendaklah rekaan sendiri dan bukan daripada rekaan sedia ada dari mana-mana sumber;
- 1.4. Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan dengan menggunakan borang penyertaan yang rasmi. Huraian dan pengertian nama serta logo hendaklah disertakan secara berasingan. Dokumen yang dihadapkan hendaklah dalam bentuk:
 1. Landskap
 2. Saiz *font* 12 bagi isi kandungan
 3. *Font* perisian huraian, *Times New Roman*

2. Syarat-syarat Teknikal

- 2.1. Setiap logo hendaklah menggunakan tidak lebih dari 3 warna (tidak termasuk hitam dan putih); dihadapkan dalam 4 variasi (bagi kegunaan print dan digital)
 1. *Full Colours* (RGB)
 2. *Invert Colours* (hitam dan putih),
 3. *Grayscale*,
 4. *Outline*
- 2.2. Logo hendaklah dicetak dengan ukuran 6" x 6" dan 1" x 1".
- 2.3. Logo hendaklah jelas jika dibentuk mengikut ukuran 1080 x 1080 *pixel*.
- 2.4. Setiap penyertaan hendaklah dihadapkan dalam **dua (2) bentuk** iaitu:
 - 2.4.1. **Digital softcopy** logo berkenaan dalam bentuk *unflatten / layered* hendaklah dihantar dalam format **AI dan PDF** (dalam resolusi imej yang tertinggi, **minimum 600dpi**);
 - 2.4.2. **Hardcopy** hendaklah dicetak pada kertas A4 (dalam format Landscape) dan diletakkan pada *mounting board* berwarna hitam dengan bingkai (border) yang berukuran 1" di sekeliling kertas berkenaan serta **nama sistem dalam Bahasa Melayu dan Inggeris** (saiz font 22, Times New Roman) yang dicipta seperti berikut:



- 2.4.3. Di bahagian belakang **Mounting Board** hendaklah dilekatkan dengan maklumat peserta seperti berikut;
 - Nama Penuh
 - Nombor Kad Pengenalan
 - Nombor Telefon
 - E-mel
 - **Nama sistem yang dicipta hendaklah diberikan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris**
 - **Huraian Pengertian Nama yang dicipta**

3. Hak Cipta

- 3.1. Nama dan logo yang berjaya adalah menjadi hak milik Kerajaan (Urusetia) sepenuhnya;
- 3.2. Pihak Kerajaan (Urusetia) berhak mengubahsuai ciptaan nama sistem yang menang serta huraian nama tanpa persetujuan peserta berkenaan (jika diperlukan);
- 3.3. Pihak Kerajaan (Urusetia) berhak mengubahsuai dan menambah logo serta huraian logo yang menang tanpa persetujuan peserta berkenaan. **[Pemenang hendaklah bersedia untuk mengubah logo jika diperlukan].**
- 3.4. Pemenang dikehendaki untuk menyerahkan *digital softcopy* logo berkenaan dalam bentuk *unflatten / layered*;
- 3.5. Pihak Kerajaan (Urusetia) berhak menggunakan sepenuhnya ciptaan nama dan logo sistem yang berjaya dalam pertandingan ini;

4. Keputusan

Hanya seorang pemenang sahaja akan dipilih dan apa jua keputusan yang telah dibuat oleh ahli panel adalah muktamad.

5. Pemilihan

100% permarkahan adalah daripada ahli panel sahaja.

6. Makluman

- 6.1. Borang penyertaan berbentuk **hardcopy** dan **digital softcopy (menggunakan pendrive)** hendaklah dihantar terus ke alamat berikut:

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Jabatan Perdana Menteri,
Kaunter Utama, Aras 1,
Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang, BA 1311
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

- 6.2. Tarikh tutup penyertaan adalah pada hari **Selasa, 19hb Januari 2021, sebelum jam 12:00 tengah hari.**
- 6.3. Pemenang pertandingan akan dihubungi melalui telefon / e-mel sebaik sahaja selesai penghakiman diadakan.